

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

SOALAN

TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah pihak Kementerian sedang merancang untuk meningkatkan harga getah dan kelapa sawit dengan mencari pasaran baru.

JAWAPAN

Kementerian sentiasa berusaha meneroka pasaran baharu sebagai salah satu usaha bagi menstabilkan harga komoditi getah dan kelapa sawit. Antara pasaran baharu yang telah diteroka adalah Afrika, Turki, Mesir, Iran, Maghribi, Columbia dan sebagainya melalui beberapa siri misi ekonomi, pelaburan dan teknikal serta mesyuarat seperti berikut:

- (a) misi ekonomi ke Mesir, Maghribi dan Columbia pada 21 hingga 29 November 2018;
- (b) misi ekonomi dan promosi sawit ke Switzerland dan negara Kesatuan Eropah (Sepanyol dan Belgium) pada 28 September hingga 6 Oktober 2018;
- (c) persidangan Pakistan *Edible Oil Conference* di Pakistan pada 18 hingga 19 Januari 2019;
- (d) misi ekonomi, promosi dan pelaburan sawit, getah dan kayu-kayan ke Iran dan Turki pada 20 - 26 Januari 2019;
- (e) mesyuarat khas peringkat Menteri *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) Bangkok, Thailand pada 22 Februari 2019;
- (f) misi ekonomi dan promosi sawit dan kayu-kayan ke Arab Saudi dan

Ethopia pada 22 hingga 26 April 2019; dan

- (g) misi ekonomi dan promosi sawit ke United Kingdom, Belgium, Jerman dan Itali pada 3 hingga 12 Mei 2019.

Disamping itu juga, Kementerian sentiasa mengambil langkah yang proaktif untuk menstabilkan harga komoditi getah dan sawit dengan meningkatkan permintaan dari negara-negara pengimport melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- (a) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membenarkan belian terus (*direct purchase*) minyak sawit dan produk berasaskan sawit berjumlah 1.9 juta tan untuk tempoh 5 tahun mulai 2019 hingga 2023 oleh Republik Rakyat China pada 25 April 2019;
- (b) mengukuhkan pasaran di India yang merupakan negara pengimport terbesar sawit dan negara-negara berpotensi seperti Iran, Mesir dan negara-negara Afrika melalui Misi Ekonomi dan Pelaburan yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri pada tahun 2018. Misi ini telah berjaya meyakinkan negara-negara tersebut untuk meningkatkan pembelian minyak sawit negara. Selain itu, langkah Kerajaan India mengurangkan duti import minyak sawit (CPO) daripada 44% kepada 40% serta pengurangan duti import minyak sawit proses daripada 54% kepada 45% juga telah memberi kesan positif kepada industri sawit negara;
- (c) melaksanakan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) ke-6 yang merupakan instrumen bagi mengimbangi stok di pasaran dunia serta dijangka dapat meningkatkan harga getah asli bagi jangka masa pendek. AETS ini telah dipersetujui melalui mesyuarat *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) pada 4 dan 5 Mac 2019 di Bangkok, Thailand dengan menetapkan pengurangan kuota eksport sebanyak 240,000 tan mulai 1 April 2019 selama empat bulan.